

SULIT

NAMA:.....

TING:.....

3767/2
Ekonomi
Kertas 2
Nov/Dis 2022
2 1/4 jam



No. Kad Pengenalan..... Angka Giliran.....

**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
NEGERI SEMBILAN**

**PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN 5
SEKOLAH-SEKOLAH NEGERI SEMBILAN 2022**

**EKONOMI
KERTAS 2**

Dua jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAANINI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Tulis nombor kad pengenalan dan angka giliran anda pada petak yang disediakan.*
2. *Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian:
Bahagian A dan Bahagian B .*
3. *Jawab semua soalan di Bahagian A dan dua soalan daripada Bahagian B.*
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan dalam kertas soalan ini.*
5. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
6. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*

Untuk Kegunaan Pemeriksa		
Bahagian	Soalan	Markah
A	1	
	2	
	3	
B	4	
	5	
	6	
	7	
Jumlah		

Bahagian A**[60 markah]***Jawab semua soalan di bahagian ini.*

- 1 (a) Maklumat berikut berkaitan dengan ciri suatu sistem ekonomi.

Swasta bebas memiliki dan menggunakan sumber untuk mencapai matlamat pengeluaran

- (i) Apakah sistem ekonomi di atas?

..... [1 markah]

- (ii) Jelaskan kelebihan sistem ekonomi tersebut.

.....

[4 markah]

- (b) Jadual berikut berkaitan dengan permintaan pasaran dan penawaran pasaran suatu barang.


Harga (RM)	Permintaan Pasaran (unit)	Penawaran Pasaran (unit)
10	275	50
20	225	150
30	175	250
40	125	350

- (i) Dengan menggunakan kertas graf, lukis rajah keseimbangan pasaran.


[4 markah]

- (ii) Tentukan harga keseimbangan dan kuantiti keseimbangan.

..... [2 markah]



- (c) Rajah berikut menunjukkan keluk permintaan bagi suatu barang.



- (i) Jelaskan faktor yang mempengaruhi jenis keanjalan harga permintaan barang tersebut.

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

[5 markah]

- (ii) Mengapakah berlaku pergerakan titik Z ke Y?

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

- 2 (a) Jadual berikut berkaitan dengan pendapatan dan perbelanjaan Encik Alwie pada bulan Ogos 2022.

Butiran	RM
Gaji	3 900
Caruman KWSP	429
PERKESO	20
Hiburan	480
Makanan dan minuman	1 200
Sewa rumah	700
Minyak petrol	300
Ansuran kereta	750
Bil utiliti	490

- (i) Nyatakan kedudukan kewangan Encik Alwie pada bulan tersebut.

.....

[2 markah]

- (ii) Sediakan penyata belanjawan peribadi bulan September dengan menetapkan sasaran tabungan sebanyak 10% daripada gaji.
 Sila jawab pada kertas jawapan di halaman 12.

[5 markah]

- (iii) Bagaimanakah sasaran di atas dapat dicapai?

.....

.....

.....

[4 markah]

- (b) Situasi berikut berkaitan dengan kemudahan pembayaran yang ditawarkan oleh bank perdagangan.

Situasi 1	Situasi 2
Membayar bil Tenaga Nasional Berhad (TNB)	Membayar caj ke atas cek bank untuk mengirim wang ke luar negara

Terangkan kemudahan pembayaran di atas.

.....
.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

- (c) Maklumat berikut berkaitan dengan kos pengeluaran sebuah firma.

Setiap bulan Syarikat Maju Jaya membayar sewa kilang sebanyak RM5 000 dan RM10 000 untuk belian stok bahan mentah.

Bezakan antara dua kos tersebut.

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

[5 markah]

- 3 (a) Jadual berikut berkaitan dengan imbalan akaun semasa Malaysia bagi tempoh tiga tahun.

Tahun	2018 (RM juta)	2019 (RM juta)	2020 (RM juta)
Imbalan akaun semasa	32 295	50 850	60 007

Sumber: Tinjauan Ekonomi 2021 Kementerian Kewangan Malaysia

- (i) Jelaskan arah aliran imbalan akaun semasa tersebut.

.....
.....
.....
.....
.....

. [2 markah]

- (ii) Mengapa berlaku perubahan dalam imbalan akaun semasa bagi tempoh masa tersebut?

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

- (b) Jadual berikut menunjukkan kadar pertukaran asing antara Ringgit Malaysia (RM) berbanding Pound Sterling (£).

Mata wang (1 unit)	Harga Belian (RM)	Harga Jualan (RM)
Pound Sterling (£)	5.362	5.456
Sumber: MBSB Bank, 5 Ogos 2022		

Puan Rozy merancang untuk melancong ke United Kingdom dengan mengikuti pakej pelancongan selama 10 hari 7 malam berjumlah RM10 500.

- (i) Hitung nilai pakej tersebut dalam Pound Sterling (£).

.....
.....
.....
.....
.....

[2 markah]

- (ii) Puan Rozy memiliki lebihan £120 yang tidak dibelanjakan.

Hitung lebihan wang tersebut dalam Ringgit Malaysia (RM).

.....
.....
.....
.....
.....

[2 markah]

- (c) Maklumat di bawah menunjukkan kadar pertukaran asing Ringgit Malaysia (RM) dengan US Dolar (USD).

Julai 2022 : 1 USD = RM4.44	→	Ogos 2022 : 1 USD = RM4.53
-----------------------------	---	----------------------------

- (i) Bagaimanakah kadar pertukaran pada bulan Julai 2022 ditentukan dalam pasaran pertukaran asing?

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

- (ii) Jelaskan kesan perubahan tersebut terhadap imbangan dagangan Malaysia.

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

[6 markah]

Bahagian B**[40 markah]***Jawab mana-mana dua soalan daripada bahagian ini.*

- 4** Maklumat berikut berkaitan dengan kerjaya Encik Ahmad.

Pada tahun 2018 Encik Ahmad telah berhenti bekerja di sebuah bank kerana ingin memulakan perniagaan sendiri. Ketika itu gaji yang diterima adalah sebanyak RM6 500 sebulan. Beliau membuka sebuah kedai mencetak baju-T di rumahnya sendiri dan dapat menjimatkan sewa premis sebanyak RM1 000 sebulan. Hasil jualan kedainya pada setiap bulan ialah RM25 000 manakala jumlah kos operasi ialah RM12 000. Beliau beranggapan untung yang diperolehinya terlalu tinggi tanpa mengambil kira kos lepas yang ditanggung pemilik perniagaan. Sambutan yang menggalakkan daripada pelanggan menyebabkan beliau menyewa sebuah kedai untuk beroperasi. Pada tahun 2022 beliau membuat keputusan membeli dua mesin tambahan melalui pinjaman bank. Walau bagaimanapun keputusan tersebut ditangguhkan apabila mengetahui tindakan bank pusat yang telah menaikkan kadar OPR untuk kali ke-tiga pada tahun ini.

- (a) Bandingkan antara dua jenis pendapatan yang diterima sebelum dan selepas tahun 2018. [6 markah]
- (b) Mengapakah Encik Ahmad beranggapan demikian? [5 markah]
- (c) Wajarkah keputusan yang dibuat oleh Encik Ahmad bagi situasi di atas?
Beri alasan anda. [9 markah]

- 5** Maklumat berikut berkaitan dengan perbelanjaan kerajaan untuk membantu pengguna dan pengeluar.

Kerajaan menyediakan RM1 bilion tambahan untuk daging dan telur ayam serta bantuan tunai tambahan RM630 juta kepada penerima Bantuan Keluarga Malaysia. Bantuan ini bertujuan untuk memulihkan ekonomi selepas pandemik Covid-19. Peruntukan tambahan tersebut merupakan sebahagian daripada peruntukan keseluruhan yang meningkat daripada RM30.3 bilion pada tahun 2021 kepada RM77.7 bilion pada tahun 2022.

Ubahsuai sumber: <https://www.bharian.com.my>, 30 Jun 2022

- (a) Huraikan jenis perbelanjaan di atas. [4 markah]
- (b) Jelaskan kesan bantuan tersebut kepada penternak ayam. [7 markah]
- (c) Peningkatan peruntukan keseluruhan tersebut menyebabkan kerajaan menghadapi belanjawan defisit. Bincangkan. [9 markah]

6 Maklumat berikut berkaitan dengan satu situasi dalam ekonomi.

Indeks Harga Pengguna (IHP) berubah daripada 122.5 pada Julai 2021 kepada 127.9 pada Julai tahun 2022. Harga global makanan bijirin seperti kacang soya dan jagung mencapai paras tertinggi akibat bencana alam, perubahan cuaca, perperangan dan permintaan yang meningkat mendadak selepas pandemik Covid-19. Sektor penternakan turut terjejas kerana bergantung kepada import makanan tersebut. Secara tak langsung meningkatkan harga barang makanan dalam pasaran. Kerajaan bertindak mengenakan dasar kawalan harga bagi memastikan harga stabil dalam pasaran.

Ubahsuai sumber: Berita Harian, 29 Ogos 2022

Laporan Tahunan BNM 2021

- (a) Jelaskan kesan perubahan dalam IHP di atas. [5 markah]
- (b) Bagaimanakah situasi di 6(a) mempengaruhi permintaan pengguna? [6 markah]
- (c) Cadangkan tindakan lain yang boleh diambil oleh kerajaan bagi mengawal kestabilan harga. [9 markah]

7 Maklumat berikut berkaitan dengan pengangguran di Malaysia.

Kadar pengangguran di Malaysia meningkat daripada 3.2% pada tahun 2019 kepada 4.8% pada tahun 2020. Guna tenaga dalam industri berkaitan pelancongan, pembuatan, pengangkutan dan penyimpanan merosot kesan pandemik Covid-19. Namun begitu kadar tersebut telah menurun kepada 3.9% pada tahun 2022.

Pada tahun tersebut kerajaan juga telah menaikkan dasar gaji minimum daripada RM1 200 kepada RM1 500 berkuatkuasa pada 1 Mei 2022. Pelaksanaan dasar tersebut bertujuan untuk menjaga kebijakan pekerja.

Ubahsuai sumber : BH Online, April 28 2022
BH Online, Februari 8 2021

- (a) Jelaskan kesan situasi di atas terhadap ekonomi Malaysia. [5 markah]
- (b) Bagaimanakah kadar pengangguran tahun 2022 dapat dicapai oleh kerajaan? [6 markah]
- (c) Anda sebagai pengeluar menyokong perubahan dalam dasar gaji minimum tersebut. Beri alasan anda. [9 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT